

**ISLAMIC EDUCATION TEACHERS' TEACHING PRACTICES AS PREDICTORS OF PRAYER INTERNALISATION AMONG PRIMARY SCHOOL PUPILS: A REGRESSION ANALYSIS**

**AMALAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI PERAMAL PENGHAYATAN SOLAT MURID SEKOLAH RENDAH: SATU ANALISIS REGRESI**

Norsuhaila Musa<sup>i</sup>, Fatmawati Latada<sup>ii</sup> & Mohamad Hilmi Mat Said<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pelajar PhD, Pusat Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). suhailaskp@gmail.com.

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). fatma@umpsa.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). hilmi@umpsa.edu.my

**Article Progress**

**Received:** 10 May 2026

**Revised:** 18 May 2026

**Accepted:** 25 May 2026

<b>Abstract</b>	<p><i>This study aims to examine the role of Islamic Education teachers' teaching practices as predictors of students' prayer appreciation among primary school pupils. A quantitative approach with a cross-sectional survey design was employed, involving 498 students. A structured questionnaire was used to measure teaching practices and students' prayer appreciation. Data were analysed using the Multivariate General Linear Model (GLM). The findings indicate that the regression models were significant across all dimensions of prayer appreciation, including basic knowledge (<math>F(4,493) = 60.765, p &lt; 0.001, R^2 = 0.330</math>), mastery (<math>F = 40.154, p &lt; 0.001, R^2 = 0.246</math>), practice (<math>F = 22.215, p &lt; 0.001, R^2 = 0.153</math>), and moral outcomes (<math>F = 42.732, p &lt; 0.001, R^2 = 0.257</math>). Teacher personality emerged as the most dominant predictor across all dimensions (<math>B = 0.154-0.351, p &lt; 0.001</math>), followed by teaching implementation, which significantly influenced knowledge and moral outcomes. This study highlights the critical role of teacher personality in fostering holistic religious practice among students. The findings suggest that teacher professional development should emphasise character building and integrated pedagogical competencies.</i></p> <p><b>Keywords:</b> <i>Teaching, Practices, Education, Teachers, Pupils.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Kajian ini bertujuan mengenal pasti peranan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam sebagai peramal terhadap tahap penghayatan solat dalam kalangan murid sekolah rendah. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan keratan rentas yang melibatkan seramai 498 orang murid. Instrumen soal selidik berstruktur digunakan untuk mengukur amalan pengajaran guru dan penghayatan solat murid. Data dianalisis menggunakan analisis Mutivariate General Linear Model (GLM). Dapatan menunjukkan bahawa model regresi adalah signifikan bagi semua dimensi penghayatan solat, termasuk pengetahuan asas (<math>F(4,493) = 60.765, p &lt; 0.001, R^2 = 0.330</math>), penguasaan (<math>F = 40.154, p &lt; 0.001, R^2 = 0.246</math>), pengamalan (<math>F =</math></i></p>

22.215,  $p < 0.001$ ,  $R^2 = 0.153$ ) dan pembentukan akhlak ( $F = 42.732$ ,  $p < 0.001$ ,  $R^2 = 0.257$ ). Keperibadian guru dikenal pasti sebagai peramal paling dominan yang mempengaruhi semua dimensi penghayatan solat ( $B = 0.154-0.351$ ,  $p < 0.001$ ), diikuti oleh pelaksanaan pengajaran yang signifikan dalam aspek pengetahuan dan akhlak. Kajian ini menegaskan kepentingan dimensi keperibadian guru dan pelaksanaan pengajaran sebagai elemen kritikal dalam membentuk penghayatan ibadah murid secara holistik. Implikasi kajian mencadangkan agar pembangunan profesional guru memberi penekanan kepada pembinaan sahsiah dan pengukuhan kompetensi pedagogi secara bersepadu.

**Kata kunci:** Pengajaran, Amalan, Pendidikan, Guru, Murid.

## PENDAHULUAN

Ibadah solat merupakan tunjang utama dalam pembentukan sahsiah dan jati diri Muslim sejak peringkat awal usia. Solat bukan sekadar amalan rutin, tetapi berfungsi sebagai mekanisme pembinaan disiplin rohani, kawalan diri dan pembentukan akhlak yang seimbang. Oleh itu, penghayatan solat dalam kalangan murid sekolah rendah perlu diberi perhatian serius kerana ia menjadi asas kepada pembentukan keperibadian Muslim yang menyeluruh.

Walau bagaimanapun, realiti semasa menunjukkan bahawa penguasaan aspek teori berkaitan solat tidak semestinya selari dengan tahap penghayatan dan pengamalan dalam kehidupan seharian murid. Terdapat murid yang memahami rukun dan syarat sah solat, namun masih belum menghayati kepentingannya secara menyeluruh dari sudut amalan dan pembentukan akhlak. Situasi ini memperlihatkan bahawa penghayatan ibadah perlu difahami sebagai konstruk multidimensi yang merangkumi aspek kognitif, tingkah laku dan nilai (El-Menouar, 2014).

Dalam proses ini, guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting sebagai penggerak utama pembentukan kefahaman dan penghayatan ibadah. Peranan guru bukan sahaja terhad kepada penyampaian ilmu secara kognitif, tetapi turut melibatkan pembinaan nilai, sikap dan amalan melalui pendekatan pengajaran yang berkesan. Keperibadian guru, perancangan pengajaran, pengurusan bilik darjah, pelaksanaan pengajaran dan penilaian merupakan elemen penting dalam amalan pengajaran yang berpotensi mempengaruhi tahap penghayatan solat murid.

Selain itu, teori pembelajaran sosial menjelaskan bahawa murid cenderung untuk meniru tingkah laku individu dalam persekitaran mereka, khususnya guru sebagai model teladan. Dalam tradisi pendidikan Islam, konsep *qudwah hasanah* turut menekankan peranan guru sebagai contoh terbaik dalam mengamalkan nilai-nilai Islam (Kasim et al., 2022). Oleh itu, amalan pengajaran yang berkesan bukan sahaja mempengaruhi pencapaian akademik tetapi juga pembentukan penghayatan ibadah.

Walaupun pelbagai kajian telah meneliti keberkesanan pengajaran Pendidikan Islam, kajian yang mengkaji tentang hubungan antara amalan pengajaran guru dengan tahap penghayatan solat murid secara menyeluruh masih terhad, khususnya yang menggunakan analisis statistik lanjutan seperti regresi multivariat. Pendekatan ini penting bagi mengenal pasti sumbangan relatif setiap elemen amalan pengajaran guru terhadap pelbagai aspek penghayatan solat murid.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis sumbangan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam terhadap tahap penghayatan solat murid sekolah rendah meliputi aspek pengetahuan asas solat, penguasaan solat, pengamalan solat dan kesannya terhadap pembentukan akhlak murid.

## SOROTAN LITERATUR

Penghayatan ibadah solat merupakan aspek teras dalam pendidikan Islam yang bukan sahaja melibatkan kefahaman kognitif terhadap rukun dan syarat sah solat, tetapi juga

merangkumi dimensi amali dan penghayatan nilai rohani dalam kehidupan seharian. Penghayatan solat sering diukur melalui pengetahuan asas solat, penguasaan perlaksanaan, pengamalan secara konsisten serta kesan solat terhadap pembentukan akhlak (Jaffar, 2020; Mat et al., 2016; Musa, 2014). Pendekatan multidimensi ini penting kerana penguasaan ilmu semata-mata tidak menjamin pembentukan amalan dan penghayatan yang sebenar.

Kajian berkaitan pengajaran Pendidikan Islam menunjukkan bahawa peranan guru merupakan faktor penting dalam membentuk kefahaman dan amalan agama dalam kalangan murid (Hashim et al., 2020; Ismail et al., 2021). Sebahagian besar kajian terdahulu memberi tumpuan kepada aspek penyampaian kandungan, strategi pedagogi dan pencapaian kognitif murid, khususnya dalam meningkatkan pengetahuan asas berkaitan ibadah seperti solat (Yusro et al., 2026).

Walau bagaimanapun, literatur menunjukkan bahawa tahap penguasaan pengetahuan tidak semestinya membawa kepada pengamalan ibadah secara konsisten dalam kehidupan harian (Jaffar, 2020). Perbezaan ini dapat dijelaskan melalui jurang antara domain kognitif dan afektif dalam pembelajaran (Krathwohl, 2002; Pekrun, 2006). Dapatan ini selari dengan kajian tempatan yang menunjukkan bahawa hubungan antara pengetahuan dan pengamalan nilai adalah turut dipengaruhi oleh faktor lain seperti persekitaran dan pembentukan sahsiah (Ghani@Rani, 2017; Suhid, 2005).

Selain itu, beberapa kajian turut menekankan kepentingan elemen sahsiah dan keperibadian guru sebagai model kepada murid, selaras dengan konsep *qudwah hasanah* dalam pendidikan Islam (Bandura, 1986; Jasmi et al., 2009; Tamuri & Ajuhary, 2010). Namun demikian, kebanyakan kajian yang membincangkan aspek ini bersifat konseptual atau kualitatif, dan kurang memberikan bukti terperinci yang mengukur secara kuantitatif sumbangan relatif keperibadian guru berbanding dimensi pengajaran lain (Ahmad & Mansor, 2013; Ramlie & Hussin, 2017)

Dalam masa yang sama, dimensi seperti perancangan pengajaran, pengurusan bilik darjah, pelaksanaan dan penilaian sering dikaji secara berasingan tanpa mengambil kira interaksi dan sumbangan serentak kesemua dimensi tersebut terhadap pelbagai aspek penghayatan ibadah (Darling-Hammond, 2006; Shulman, 1986). Kajian tempatan juga menunjukkan bahawa amalan pedagogi guru mempunyai hubungan dengan pencapaian pelajar, namun analisis yang menggabungkan pelbagai dimensi pengajaran secara serentak masih terhad (Fauzi & Razak, 2017; Johari et al., 2016).

Pendekatan yang terpisah ini menghadkan kefahaman tentang bagaimana setiap dimensi pengajaran menyumbang secara berbeza terhadap aspek kognitif, kemahiran dan afektif murid. Dalam konteks pendidikan Islam secara khusus, pendekatan pedagogi yang menekankan pembangunan sahsiah dan nilai didapati lebih berkesan dalam membentuk penghayatan agama berbanding pendekatan yang berfokus kepada pengetahuan semata-mata (Wahap et al., 2025).

Hal ini sejajar dengan pandangan sarjana tempatan yang menekankan bahawa pendidikan Islam perlu memberi penekanan kepada pembangunan insan secara holistik yang merangkumi aspek intelek, rohani dan akhlak (Ilias & Jasmi, 2011; Langgulong, 1995)

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan keratan rentas (*cross-sectional survey*). Reka bentuk ini dipilih kerana sesuai untuk menganalisis hubungan antara pembolehubah serta mengenal pasti sumbangan relatif setiap dimensi amalan pengajaran terhadap penghayatan ibadah solat.

Sampel kajian terdiri daripada 498 orang murid sekolah rendah yang dipilih berdasarkan kesesuaian lokasi dan kebolehcapaian responden. Saiz sampel ini dianggap mencukupi untuk analisis statistik inferensi, khususnya regresi multivariat, bagi menguji hubungan antara pembolehubah kajian. Menurut Hair et al. (2010), analisis multivariat memerlukan saiz sampel yang mencukupi bagi memastikan kestabilan anggaran parameter dan ketepatan keputusan analisis.

Selain itu Tabachnick dan Fidell (2019) turut menegaskan bahawa saiz sampel yang besar adalah penting dalam analisis regresi bagi meningkatkan kuasa statistik dan kebolehpercayaan model. Instrumen kajian berbentuk soal selidik berstruktur yang dibangunkan untuk mengukur dua konstruk utama, iaitu amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dan tahap penghayatan solat murid.

Amalan pengajaran guru diukur berdasarkan lima dimensi utama, iaitu keperibadian guru, perancangan pengajaran, pengurusan bilik darjah, pelaksanaan pengajaran dan penilaian. Manakala tahap penghayatan solat diukur melalui empat dimensi, iaitu pengetahuan asas solat, penguasaan solat, pengamalan solat dan kesan solat terhadap pembentukan akhlak.

Langkah diambil untuk meminimumkan *Common Method Variance* (CMV), termasuk kerahsiaan responden dan penambahbaikan laras bahasa agar mudah difahami (Podsakoff et al., 2003). Ujian kebolehpercayaan instrumen menunjukkan nilai *Cronbach's Alpha* yang memuaskan bagi semua konstruk yang dikaji. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) melalui analisis regresi multivariat.

## DAPATAN KAJIAN

### Analisis Multivariat Amalan Pengajaran Terhadap Penghayatan Solat

Analisis *Multivariate General Linear Model* (GLM) menunjukkan bahawa secara keseluruhan, terdapat kesan multivariat yang signifikan antara amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dengan gabungan dimensi penghayatan solat murid. Dimensi keperibadian guru menunjukkan kesan multivariat yang signifikan terhadap penghayatan solat murid (*Pillai's Trace* = 0.082,  $F(4, 490) = 10.940$ ,  $p < 0.001$ ).

Selain itu, pelaksanaan pengajaran (*Pillai's Trace* = 0.057,  $F(4, 490) = 7.388$ ,  $p < 0.001$ ), pengurusan bilik darjah (*Pillai's Trace* = 0.036,  $F(4, 490) = 4.571$ ,  $p = 0.001$ ) dan penilaian pengajaran (*Pillai's Trace* = 0.025,  $F(4, 490) = 3.139$ ,  $p = 0.014$ ) turut menunjukkan kesan multivariat yang signifikan terhadap penghayatan solat murid.

### Analisis Univariate Setiap Dimensi Penghayatan Solat

#### 1. Pengetahuan Asas Solat (y1)

Analisis regresi menunjukkan bahawa model yang dibina adalah signifikan ( $F(4, 493) = 60.765$ ,  $p < 0.001$ ) dan menerangkan sebanyak 33.0% varians dalam pengetahuan asas solat ( $R^2 = 0.330$ ). Secara khusus, keperibadian guru ( $B = 0.154$ ,  $p < 0.001$ ), pelaksanaan pengajaran ( $B = 0.282$ ,  $p < 0.001$ ) dan penilaian pengajaran ( $B = 0.128$ ,  $p = 0.001$ ) merupakan peramal signifikan terhadap pengetahuan asas solat murid. Walau bagaimanapun, pengurusan bilik darjah didapati tidak signifikan ( $p = 0.147$ ). Keputusan analisis regresi ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah.

**Jadual 1 : Analisis Regresi Amalan Pengajaran Guru terhadap Pengetahuan Asas Solat (y1)**

Pembolehubah	B	Std. Error	t	p	95% CI
Keperibadian Guru (x1)	0.154***	0.042	3.643	<0.001	[0.071, 0.238]
Pengurusan Bilik Darjah (x3)	-0.055 (0.147)	0.038	-1.451	0.147	[-0.130, 0.020]
Pelaksanaan Pengajaran (x4)	0.282***	0.057	4.955	<0.001	[0.170, 0.393]
Penilaian Pengajaran (x5)	0.128**	0.039	3.267	0.001	[0.051, 0.205]

$R^2 = 0.330$ ,  $F(4, 493) = 60.765$ \*\*\*,  $p < 0.001$

#### 2. Penguasaan Solat (y2)

Analisis regresi menunjukkan bahawa model adalah signifikan ( $F(4, 493) = 40.154$ ,  $p < 0.001$ ) dengan nilai penjelasan varians sebanyak 24.6% ( $R^2 = 0.246$ ). Dapatan menunjukkan

bahawa keperibadian guru ( $B = 0.313, p < 0.001$ ), pelaksanaan pengajaran ( $B = 0.168, p = 0.019$ ) dan penilaian pengajaran ( $B = 0.148, p = 0.003$ ) merupakan peramal signifikan terhadap penguasaan solat murid. Sementara itu, pengurusan bilik darjah menunjukkan kesan negatif yang signifikan ( $B = -0.103, p = 0.031$ ). Keputusan analisis regresi bagi dimensi ini ditunjukkan dalam jadual 2.

**Jadual 2 : Analisis Regresi Amalan Pengajaran Guru terhadap Penguasaan Solat (y2)**

Pembolehubah	B	Std. Error	t	p	95% CI
Keperibadian Guru (x1)	0.313***	0.053	5.877	<0.001	[0.208, 0.418]
Pengurusan Bilik Darjah (x3)	-0.103*	0.048	-2.164	0.031	[-0.197, -0.010]
Pelaksanaan Pengajaran (x4)	0.168*	0.071	2.352	0.019	[0.028, 0.308]
Penilaian Pengajaran (x5)	0.148**	0.049	3.002	0.003	[0.051, 0.245]

$R^2 = 0.246, F(4, 493) = 40.154***, p < 0.001$

### 3. Pengamalan Solat (y3)

Analisis regresi menunjukkan bahawa model adalah signifikan ( $F(4, 493) = 22.215, p < 0.001$ ) dengan nilai varians yang diterangkan sebanyak 15.3% ( $R^2 = 0.153$ ). Namun demikian, hanya keperibadian guru didapati sebagai peramal signifikan terhadap pengamalan solat murid ( $B = 0.351, p < 0.001$ ). Sebaliknya, pengurusan bilik darjah, pelaksanaan pengajaran dan penilaian pengajaran tidak menunjukkan hubungan yang signifikan ( $p > 0.05$ ). Keputusan analisis regresi ini ditunjukkan dalam jadual 3.

**Jadual 3 : Analisis Regresi Amalan Pengajaran Guru terhadap Pengamalan Solat (y3)**

Pembolehubah	B	Std. Error	t	p	95% CI
Keperibadian Guru (x1)	0.351***	0.063	5.595	<0.001	[0.228, 0.475]
Pengurusan Bilik Darjah (x3)	0.026	0.056	0.461	0.645	[-0.085, 0.136]
Pelaksanaan Pengajaran (x4)	0.021	0.084	0.250	0.803	[-0.144, 0.186]
Penilaian Pengajaran (x5)	0.070	0.058	1.205	0.229	[-0.044, 0.184]

$R^2 = 0.153, F(4, 493) = 22.215***, p < 0.001$

### 4. Kesan Solat terhadap Akhlak (y4)

Analisis regresi menunjukkan bahawa model adalah signifikan ( $F(4, 493) = 42.732, p < 0.001$ ) dan menerangkan sebanyak 25.7% varians dalam dimensi kesan solat terhadap akhlak ( $R^2 = 0.257$ ). Keperibadian guru ( $B = 0.200, p < 0.001$ ) dan pelaksanaan pengajaran ( $B = 0.198, p = 0.006$ ) didapati sebagai peramal signifikan terhadap pembentukan akhlak murid. Pengurusan bilik darjah pula menunjukkan kecenderungan ke arah signifikan ( $p = 0.050$ ) manakala penilaian pengajaran didapati tidak signifikan ( $p = 0.176$ ). Keputusan analisis regresi ditunjukkan dalam jadual 4.

**Jadual 4 : Analisis Regresi Amalan Pengajaran Guru terhadap Kesan Solat Terhadap Akhlak (y4)**

Pembolehubah	B	Std. Error	t	p	95% CI
Keperibadian Guru (x1)	0.200***	0.054	3.710	<0.001	[0.094, 0.305]
Pengurusan Bilik Darjah (x3)	0.095	0.048	1.963	0.050	[-0.000, 0.189]

<b>Pelaksanaan Pengajaran (x4)</b>	0.198**	0.072	2.751	0.006	[0.057, 0.340]
<b>Penilaian Pengajaran (x5)</b>	0.067	0.050	1.354	0.176	[-0.030, 0.165]

$R^2 = 0.257$ ,  $F(4, 493) = 42.732^{***}$ ,  $p < 0.001$

Secara keseluruhan, keperibadian guru didapati merupakan peramal yang paling konsisten merentas semua dimensi penghayatan solat murid. Pelaksanaan pengajaran dan penilaian pengajaran pula menunjukkan pengaruh yang berbeza mengikut dimensi penghayatan yang dikaji, manakala pengurusan bilik darjah memperlihatkan kesan yang tidak konsisten.

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru Pendidikan Islam mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penghayatan solat murid sekolah rendah merentas semua dimensi yang dikaji. Walau bagaimanapun, tahap sumbangan model adalah sederhana ( $R^2 = 0.153$  hingga  $0.330$ ), menandakan bahawa penghayatan solat merupakan konstruk yang kompleks dan turut dipengaruhi oleh faktor lain di luar konteks bilik darjah seperti persekitaran keluarga dan sosial.

Secara khusus, keperibadian guru didapati sebagai faktor yang paling konsisten mempengaruhi semua dimensi penghayatan solat, termasuk pengetahuan, penguasaan, pengamalan dan pembentukan akhlak ( $B = 0.154$  hingga  $0.351$ ,  $p < 0.001$ ). Penemuan ini mengukuhkan Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura (1977) yang menegaskan bahawa murid belajar melalui pemerhatian dan peniruan terhadap model signifikan dalam persekitaran mereka.

Dalam hal ini, guru berperanan sebagai *qudwah hasanah* yang bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi turut membentuk amalan dan nilai melalui teladan (Katip et al., 2017; Mohamad & Nadzim, 2024). Keputusan ini juga menunjukkan bahawa dimensi pengamalan solat, yang hanya dipengaruhi secara signifikan oleh keperibadian guru ( $B = 0.351$ ,  $p < 0.001$ ), lebih berkait dengan proses internalisasi nilai berbanding pengajaran formal semata-mata.

Selain itu, pelaksanaan pengajaran turut menunjukkan pengaruh signifikan terhadap pengetahuan asas ( $B = 0.282$ ,  $p < 0.001$ ), penguasaan ( $B = 0.168$ ,  $p = 0.019$ ) dan pembentukan akhlak ( $B = 0.198$ ,  $p = 0.006$ ). Hal ini mencerminkan kepentingan strategi pengajaran yang sistematik dan berkesan dalam meningkatkan kefahaman serta kesedaran murid terhadap ibadah solat.

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan pengajaran tidak menunjukkan kesan signifikan terhadap dimensi pengamalan ( $p = 0.803$ ), yang menguatkan lagi dapatan bahawa aspek amalan lebih dipengaruhi oleh faktor afektif dan teladan berbanding pendekatan pedagogi semata-mata.

Penilaian pengajaran pula didapati signifikan dalam mempengaruhi pengetahuan ( $B = 0.128$ ,  $p = 0.001$ ) dan penguasaan ( $B = 0.148$ ,  $p = 0.003$ ), tetapi tidak signifikan terhadap pengamalan dan pembentukan akhlak ( $p > 0.05$ ). Dapatan ini mencadangkan bahawa penilaian formal lebih berkesan dalam domain kognitif dan kemahiran berbanding domain afektif. Oleh itu, pendekatan penilaian alternatif yang lebih autentik dan berasaskan pemerhatian mungkin diperlukan untuk menilai dan membentuk penghayatan ibadah secara lebih menyeluruh.

Menariknya, pengurusan bilik darjah menunjukkan kesan yang tidak konsisten merentas dimensi yang dikaji. Walaupun didapati signifikan terhadap penguasaan solat, kesan yang diperolehi adalah negatif ( $B = -0.103$ ,  $p = 0.031$ ). Dapatan ini perlu ditafsir dengan berhati-hati dan mungkin mencerminkan bahawa pendekatan pengurusan yang terlalu berfokus kepada kawalan disiplin boleh mengurangkan autonomi dan penglibatan aktif murid dalam pembelajaran ibadah.

Bagi dimensi pembentukan akhlak, pengurusan bilik darjah hanya menunjukkan kecenderungan ke arah signifikan ( $p = 0.050$ ) dan tidak boleh ditafsir sebagai signifikan secara konklusif. Oleh itu, peranan pengurusan bilik darjah dalam konteks penghayatan solat memerlukan penelitian lanjut.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menegaskan bahawa penghayatan solat dalam kalangan murid sekolah rendah tidak hanya bergantung kepada aspek pengajaran formal, tetapi turut dipengaruhi oleh elemen sahsiah guru dan interaksi sosial dalam persekitaran pembelajaran. Walaupun beberapa pembolehubah tidak menunjukkan dapatan statistik yang signifikan namun ia memberikan gambaran bahawa pembentukan penghayatan ibadah adalah hasil interaksi pelbagai faktor yang kompleks dan saling melengkapi.

## **PENUTUP**

Kajian ini berjaya mengenal pasti bahawa amalan pengajaran guru Pendidikan Islam mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penghayatan solat murid sekolah rendah. Secara keseluruhan, dapatan analisis multivariat menunjukkan bahawa dimensi keperibadian guru, pelaksanaan pengajaran, pengurusan bilik darjah dan penilaian pengajaran memberi kesan terhadap penghayatan solat murid yang merangkumi aspek pengetahuan asas solat, penguasaan solat, pengamalan solat dan kesan solat terhadap akhlak.

Walaupun bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa keperibadian guru merupakan peramal yang paling konsisten merentas semua dimensi penghayatan solat. Hal ini menunjukkan bahawa aspek personaliti, teladan dan hubungan interpersonal guru memainkan peranan yang penting dalam membentuk penghayatan ibadah murid. Dapatan ini turut mengukuhkan pandangan bahawa pengajaran Pendidikan Islam tidak seharusnya tertumpu kepada penyampaian kandungan semata-mata, sebaliknya perlu menekankan aspek pembentukan sahsiah dan nilai melalui pendekatan pengajaran yang holistik.

Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa dimensi pelaksanaan pengajaran dan penilaian pengajaran lebih mempengaruhi aspek pengetahuan dan penguasaan solat berbanding pengamalan solat. Keadaan ini menggambarkan bahawa penguasaan pengetahuan tidak semestinya diterjemahkan kepada pengamalan secara konsisten dalam kehidupan seharian. Oleh itu, usaha memperkukuh penghayatan solat murid memerlukan pendekatan pendidikan yang bukan sahaja menekankan aspek kognitif, tetapi turut memberi perhatian kepada dimensi afektif dan pembentukan tingkah laku.

Dari sudut implikasi, kajian ini memberikan sumbangan kepada pengembangan literatur berkaitan pendidikan Islam khususnya dalam memahami hubungan antara amalan pengajaran guru dan penghayatan ibadah murid secara multidimensi. Kajian ini juga memberi implikasi praktikal kepada pihak sekolah, pentadbir pendidikan dan guru Pendidikan Islam agar memberi penekanan terhadap pembangunan keperibadian guru, pendekatan pedagogi berasaskan nilai serta pengukuhan hubungan guru-murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Walaupun kajian ini memberikan dapatan yang signifikan, beberapa keterbatasan perlu diberi perhatian. Kajian ini hanya melibatkan murid sekolah rendah dalam konteks tertentu dan menggunakan pendekatan kuantitatif sepenuhnya. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan untuk melibatkan konteks sekolah yang lebih pelbagai serta menggabungkan pendekatan kualitatif bagi memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang proses pembentukan penghayatan solat dalam kalangan murid.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa keberkesanan pengajaran Pendidikan Islam tidak hanya diukur melalui penguasaan pengetahuan, tetapi juga melalui keupayaan guru membentuk penghayatan dan pengamalan ibadah dalam kehidupan murid secara berterusan.

## **RUJUKAN**

Ahmad, A. N., & Mansor, A. N. (2013). *Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Terhadap*

- Pembentukan Peribadi Murid*. In Regional Conference on School Structure and Teacher Competence, Duties & Character, 211–218.
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations Of Thoughts And Action: A Social Cognitive Theory*. Prentice Hall.
- Darling-Hammond, L. (2006). *Constructing 21st-Century Teacher Education*. Journal of Teacher Education, 57(3), 300–314. <https://doi.org/10.1177/0022487105285962>
- El-Menouar, Y. (2014). *The Five Dimensions of Muslim Religiosity*. Results of an Empirical Study. Method, Data, Analyses, 8(1), 53–78. <https://doi.org/10.12758/mda.2014.003>
- Fauzi, M. I., & Razak, K. A. (2017). Program Bijak Solat : Ke Arah Pemantapan Penghayatan Solat. International Conference on Global Education V “Global Education, Common Wealth, and Cultural Diversity,” April, 2865–2877.
- Ghani@Rani, N. A. (2017). *Pengetahuan Tentang Solat, Amalan Solat Fardu Dan Penghayatan Akhlak Dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat Di Daerah Batang Padang, Perak*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis* (7th Edition). Pearson Prentice Hall.
- Hashim, A., Ismail, Z., & Rasol, S. K. B. (2020). *Relating Teaching Practices to Student Achievement in the Field of Ibadah (Worship)*. International Journal of Innovation, Creativity and Change, 11(5), 410–417.
- Ilias, M. F., & Jasmi, K. A. (2011). *Peranan Pendidikan Islam Dalam Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama*. Persidangan Kebangsaan Sains Sosial at Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) on 20-21 April 2011.
- Ismail, Z., Tamuri, A. H., & Hussin, N. H. (2021). *Relationship Between Social Environment And Islamic Religiosity Practice Among Secondary School Students In Malaysia*. PONTE International Scientific Researches Journal, 77(1). <https://doi.org/10.21506/j.ponte.2021.1.5>
- Jaffar, T. M. A. T. (2020). *Pengaruh Persepsi Pengetahuan, Faktor Pendorong dan Faktor Pengabaian Solat Terhadap Amalan Solat Pelajar Sekolah Menengah Daerah Kinta Utara, Perak*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi, K. A., Tamuri, A. H., & Hamzah, M. I. M. (2009). *Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya Dengan Motivasi Pelajar*. Jurnal Teknologi Universiti Teknologi Malaysia., Disember, 57–71. <https://doi.org/10.11113/jt.v51.157>
- Johari, N. S., Fakhruddin, F. M., & Suhid, A. (2016). *Pendekatan dan Kaedah Pengajaran Ibadah Solat Guru Pendidikan Islam Menurut Perspektif Murid*. Online Journal of Islamic Education, 4(2), 46–53.
- Kasim, T. S. A. T., Noor, N. E. M., & Yusoff, Y. M. (2022). *Cabaran Guru Dalam Pembinaan Sahsiah Murid Melalui E-Pembelajaran Pendidikan Islam*. Sains Insani, 63–71. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.volno.448>
- Katip, K., Noor, S. S. M., & Muhamad, A. M. (2017). *Elemen Penilaian Amalan Qudwah Hasanah Guru Pendidikan Islam Menurut Perspektif Murid*. First International Conference on Research, Language, and Education (ICoRaLe), 30–40. <https://conference.uis.edu.my/icorale/wp-content/uploads/2018/04/30-38.pdf>
- Krathwohl, D. R. (2002). *A Revision of Bloom's Taxonomy: An Overview*. Theory Into Practice, 41(4), 212–218. [https://doi.org/10.1207/s15430421tip4104\\_2](https://doi.org/10.1207/s15430421tip4104_2)
- Langgulong, H. (1995). Pendidikan Islam dan peralihan paradigma. HIZBI.
- Mat, M. Z. A., Sarpan, S., Bakar, Z. A., Zaaba, W. S. W., Sulaiman, S. H., & Sawari, S. S. M. (2016). *Kajian tindakan “Kem Bestari Solat” dalam meningkatkan bacaan Doa Qunut*. Proceedings of the International Conference on Education towards Global Peace, 0(December), 1–12. <http://www.iiu.edu.my/capeu2016/index.php/proceedings>
- Mohamad, A. S., & Nadzim, N. A. (2024). *Amalan Penerapan Qudwah Hasanah Guru Dalam Kalangan Guru PDPP dan PDP Institut Pendidikan Guru Zon Utara*. Paradigma, 27(1), 205–226.
- Musa, L. (2014). *Penguasaan Rukun Solat Menerusi Kem Bestari Solat (KBS): Kajian Di*

- Sekolah Rendah Daerah Gua Musang, Kelantan*. [Universiti Malaya]. <http://studentsrepo.um.edu.my/id/eprint/5061>
- Pekrun, R. (2006). *The Control-Value Theory of Achievement Emotions: Assumptions, Corollaries, and Implications for Educational Research and Practice*. *Educational Psychology Review*, 18(4), 315–341. <https://doi.org/10.1007/s10648-006-9029-9>
- Podsakoff, P. M., MacKenzie, S. B., Lee, J. Y., & Podsakoff, N. P. (2003). *Common Method Biases in Behavioral Research: A Critical Review of the Literature and Recommended Remedies*. *Journal of Applied Psychology*, 88(5), 879–903. <https://doi.org/10.1037/0021-9010.88.5.879>
- Ramlie, H. @ A., & Hussin, Z. (2017). *Ciri-ciri Guru Pendidikan Islam Profesional (GPI) Berasaskan Riadhah Ruhiyah Menurut Pandangan Al-Ghazali: Analisis Kandungan Bab Adab Terhadap Guru Dalam Kitab Ihya' Ulum Al-Din*. *Jurnal Al-Hikmah*, 9(2), 57–77.
- Shulman, L. S. (1986). *Those Who Understand: Knowledge Growth in Teaching*. *Educational Researcher*, 15(2), 4–14.
- Suhid, A. (2005). *Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam bagi Menangani Era Globalisasi*. *Jurnal Kemanusiaan*, 3(2).
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (2019). *Using Multivariate Statistics*. Pearson Education, Inc. <https://doi.org/10.1037/022267>
- Tamuri, A. H., & Ajuhary, M. K. A. (2010). *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Muallim*. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2, 43–56.
- Wahap, N. S. M. M., Rahim, M. M. A., & Othman, M. S. (2025). *Ciri Dan Personaliti Signifikan Guru Pendidikan Islam (GPI) Dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar*. *Al-Makrifah Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(1), 1–14. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.1.1.2025>
- Yusro, K., Nurhidayati, I., & Sholihah, S. F. (2026). *Influence of Islamic Religious Education Teachers' Competence on the Formation of Students' Religious Character*. *ISLAMIKA*, 8(1), 349–377. <https://doi.org/10.36088/islamika.v8i1.6038>

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*